

## **Malaysia Komited Cari Pembelaan**

---

**PUTRAJAYA** : Malaysia tidak akan berputus asa malah akan terus komited untuk mencari pembelaan untuk waris penumpang dan anak kapal pesawat MH17 yang ditembak jatuh sehingga menyebabkan kesemuanya terbunuh dalam kejadian di Ukraine enam tahun lalu. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, penyiasatan dan perbicaraan untuk menuntut keadilan insiden berkenaan tidak boleh dibiarkan berlalu begitu sahaja. "Malah, ia tidak boleh tunduk dengan desakan politik oleh mana-mana pihak atau negara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, hanya ketegasan undang-undang yang mampu mengadili perlakuan jahat oleh pihak yang tidak berperikemanusiaan. "Undang-undang juga diharap dapat mengembalikan kehormatan terhadap mangsa korban serta saudara-mara mereka," kata beliau.

Ka Siong berkata, semua negara yang terlibat dalam insiden berkenaan diminta agar memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dilakukan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) selaras dengan Resolusi UNSC 2166. "Ketika dunia mengingati tahun ini sebagai sebagai tahun keenam insiden tragis yang menimpa penerbangan MH17, Malaysia masih kekal bersolidariti bersama saudara-mara kepada 298 mangsa termasuk anak kapal dalam usaha mendapatkan penyelesaian terbaik ketika perbicaraan di mahkamah," katanya.

Ka Siong berkata, Malaysia mengulangi komitmen untuk kekal sebagai sebahagian daripada Pasukan Penyiasatan Bersama Antarabangsa (JIT) terhadap proses keadilan yang dilakukan agar ia dapat dijalankan secara telus berdasarkan undang-undang agar keadilan dapat ditegakkan. "Ingatan dan doa kami akan sentiasa bersama mangsa dan orang yang mereka sayangi," katanya.

Pada 17 Julai 2014, pesawat MH17 milik Malaysia Airlines (MAS) ditembak jatuh di timur Ukraine ketika dalam penerbangan dari Amsterdam, Belanda ke Kuala Lumpur. Tragedi itu mengorbankan kesemua 298 orang yang menaiki pesawat itu merangkumi 43 rakyat Malaysia, 193 warga Belanda dan 27 rakyat Australia.